

Qalam

KDN 1275

Bilangan 182	–	60	sen
Jamādi al-Awwal 1385	–	September	1965

Hak Penduduk- Penduduk Kecil

Dengan berpisahnyā Singapura dari Malaysia, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, di dalam sidang akhbar menyatakan bahawa negara Singapura bukanlah negara yang diperintah oleh Cina, Melayu, India atau Serani tetapi negara Singapura ialah diperintah oleh orang-orang Singapura, bagi orang Singapura dan adalah memberi akuan dan jaminan bahawa hak-hak penduduk kecil (minoriti) akan dikawal dan dijaga terutamanya ia memberi jaminan bahawa penduduk-penduduk Melayu Singapura ini hak keistimewaannya yang termaktub dalam Pendahuluan Perlembagaan itu akan diutamakan dan dikawal. Juga suatu perlembagaan baharu yang meletakkan kawalan terhadap kepada puak-puak kecil ini akan diletakkan dengan wajarnya di dalam kandungan perlembagaan yang baharu yang akan digubal dan akan disahkan dengan seberapa segera oleh *Parliament* Singapura. *Chief Justice* Dato' Ong Jung Jin telah diberi tugas untuk berhubung dengan pakar undang-undang di luar negeri terutama Australia bagi melaksanakan perlembagaan baharu yang tentunya hak-hak minoriti mesti terkawal.

Dalam masa-masa yang lalu, apabila Singapura hanya sebagai negeri yang termasuk di dalam Malaysia, sungguhpun

tersebut hak-hak keistimewaan bagi orang-orang Melayu tetapi tidak ada orang-orang yang tertentu yang memperjuangkan hak-hak itu selain daripada orang-orang Melayu yang terlingkung di dalam pertubuhan-pertubuhan siyāsah yang akan menjadi ahlinya. Dengan keadaan itu maka hak-hak keistimewaan itu terumbang-ambing di dalam pergolakan politik badan-badan siyāsah sama ada yang berkuasa atau yang tidak berkuasa di Singapura ini dan tidak ada suatu wakil atau perwakilan yang ada di dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang memperjuangkan masalah orang-orang melayu yang tidak termasuk atau memasuki mana-mana badan siyāsah.

Dengan terpisahnyā Singapura daripada Malaysia dan dengan terjadinya Singapura sebagai sebuah negara merdeka serta dengan adanya pengakuan-pengakuan dari Perdana Menteri Lee Kuan Yew sendiri maka tidaklah hendaknya akuan itu tinggal akuan dan tidaklah janji tinggal janji tetapi penglaksanaan hendaklah ditunjuk dan dibuktikan di dalam semua perkara yang boleh memberi manfaat kepada penduduk-penduduk kecil terutamanya orang Melayu yang tertinggal di dalam serba serbinya, pelajaran, taraf hidup dan ekonomi mereka.

Sampai segala suatu yang berkenaan dengan mereka dapat ditimbang dan difikirkan, dapat diketahui dan disuarakan dan tidak terlibat oleh pengaruh- pengaruh sesuatu badan politik maka di dalam perlembagaan baharu itu hendaklah di dalam *Parliament* ada wakil-wakil yang dilantik bagi mewakili puak-puak kecil ini mengikut banyaknya orang yang diwakilnya. Wakil-wakil ini tidaklah terdiri dari orang-orang yang ada di dalam badan-badan siyāsah sekalipun mereka berbangsa Serani, India atau Melayu kerana badan siyāsah itu jelas tertakluk kepada kehendak-kehendak partinya dan kepada masalah-masalah partinya masing-masing sekalipun kerap kali juga mereka itu ada membawa faedah-faedah kepada masalah-masalah puak keci tetapi tidak dapat dinafikan bahawa mereka tidak